

16/01/2002

PM mahu anak yatim berdikari

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan kurang bernasib seperti anak yatim perlu berusaha untuk berdikari dan membebaskan diri daripada terus bergantung kepada pihak lain untuk menyara hidup mereka.

Perdana Menteri berkata, anak-anak yatim bukan tergolong dalam kumpulan yang daif dari segi kekurangan untuk menguasai ilmu.

"Mereka berpeluang untuk menguasai ilmu pengetahuan supaya mereka dapat menyara hidup mereka sendiri. Mungkin ada yang akan berjaya sehingga dapat menjadi golongan dermawan pula," katanya pada majlis penyampaian bantuan persekolahan kepada anak yatim Wilayah Persekutuan di Tabung Haji di sini, hari ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman; Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood dan Naib Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Amin Osman.

Dr Mahathir berkata, setiap orang di negara ini sama ada yatim atau tidak, bertanggungjawab untuk menentukan kebahagiaan hidup diri masing-masing.

"Kita hendak rakyat Malaysia mempunyai perasaan sombong sedikit mengenai menerima bantuan. Seboleh-bolehnya tak terima, sebaliknya berusaha sendiri untuk memajukan diri.

"Sikap terlalu berharap kepada bantuan akan menjadikan diri seseorang itu lemah," katanya.

Perdana Menteri berkata, anak yatim yang menerima bantuan bukan sahaja harus bersyukur dengan bantuan yang diperoleh itu malah seboleh-bolehnya, membalas bantuan yang diberi, dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Mereka tidak harus membazir masa, mereka harus belajar dengan tekun untuk mencapai kelulusan tertinggi mungkin. Dengan itu mereka akan bertanggungjawab terhadap diri mereka dan bantuan yang diberikan tidak sia-sia," katanya.

Dengan ilmu yang diperoleh daripada pelajaran, beliau menegaskan, anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik yang dahulunya menerima bantuan, akan mampu bekerja dan memperolehi pendapatan yang tinggi.

"Selepas berjaya, mereka boleh pula menderma bagi membantu golongan tidak bernasib baik seperti mereka dahulu," katanya.

Di samping itu, Dr Mahathir turut meminta dermawan dari kalangan penganut agama Islam dan bukan Islam, membantu golongan yang kurang upaya supaya dapat meningkatkan perpaduan dan kemesraan di kalangan penduduk berbilang bangsa.

"Saya pasti, anak yatim yang bukan Islam apabila menerima sumbangan dari penderma Islam, mereka akan ingat akan sumbangan itu. Begitu juga sebaliknya bagi anak yatim Islam yang menerima sumbangan dari penderma bukan Islam.

"Dengan cara ini, hubungan dan semangat perpaduan dapat dipupuk sejak dari kecil dan ia juga mampu menyumbang kepada keamanan negara," katanya.

Pada majlis itu, seramai 255 anak yatim menerima bantuan persekolahan berjumlah di antara RM150 hingga RM250 setiap seorang.

(END)